

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera
5 November 2025

Pengarah Urusan Kumpulan Datuk Mohamad Helmy Othman Basha Melepaskan Jawatan Semasa bagi Peralihan Kepimpinan

Timbalan Pengarah Urusan Syarikat, Mohd Haris Mohd Arshad, akan mengambil alih jawatan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 2026

Petaling Jaya, 5 November 2025 – Pengarah Urusan Kumpulan SD Guthrie Berhad (Guthrie), Datuk Mohamad Helmy Othman Basha mengumumkan pelepasan jawatan semasa beliau berkuat kuasa 31 Disember 2025. Beliau akan meneruskan perkhidmatan dengan Syarikat sebagai Penasihat kepada Lembaga Pengarah mulai 1 Januari 2026, sehingga persaraan beliau pada 30 Jun 2026 sebagaimana yang telah dirancang.

Sehubungan dengan itu, Mohd Haris Mohd Arshad, Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie akan mengambil alih jawatan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 2026.

"Kami ingin merakamkan penghargaan kepada Mohamad Helmy atas perkhidmatan cemerlang beliau sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie sepanjang enam setengah tahun yang lalu. Beliau telah memimpin syarikat ini dalam mengharungi tempoh yang cukup mencabar sehingga berjaya mengemudi syarikat ke arah prestasi operasi dan kewangan yang memberangsangkan," kata Pengerusi Guthrie, Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani. Menurutnya lagi, Guthrie merancang peralihan kepimpinan syarikat dengan teratur untuk ahli-ahli pengurusan kanannya, dan disiplin ini dicerminkan melalui peralihan kepimpinan terancang dan lancar antara Pengarah Urusan Kumpulan yang akan mengundurkan diri dan bakal dilantik.

Mohamad Helmy dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie pada 1 Julai 2019, bagi mengambil alih kepimpinan Sime Darby Plantation Berhad daripada Tan Sri Mohd Bakke Salleh pada ketika itu, sebelum penjenamaan semula Syarikat kepada Guthrie. Sepanjang penggal pertama tempoh perkhidmatan beliau, Guthrie mengharungi pelbagai cabaran, termasuklah harga minyak sawit mentah (MSM) yang menjunam pada 2019, pandemik serta kawalan pergerakan dan seterusnya, sekatan kemasukan produk Guthrie ke Amerika Syarikat serta kekurangan tenaga kerja ladang akibat penutupan sempadan. Dalam keadaan harga MSM yang sangat rendah pada 2019, beliau bersama Mohd Haris telah merangka strategi untuk meningkatkan sumbangan hasil daripada segmen Hiliran Syarikat bagi mengurangkan kebergantungan kepada harga komoditi.

Setelah mengemudi Guthrie melalui krisis yang berpanjangan, pada 2024, Mohamad Helmy mengetuai pihak pengurusan dalam usaha penjenamaan semula Syarikat, seiring dengan inisiatif penjajaran semula dan kepelbagaian perniagaan, melalui pembangunan dua segmen perniagaan baru – Tenaga Boleh Diperbaharui dan Pembangunan Perindustrian.

Mohamad Helmy akan dikenang kerana kecekalan, visi, serta komitmen beliau dalam memacu prestasi di Guthrie, dan inovasi dalam industri perladangan. Pada tahun 2020, ketika pelbagai cabaran melanda, Mohamad Helmy berpesan kepada rakan-rakan sekerja supaya "jangan sesekali mensia-siakan krisis yang baik", dan seterusnya menubuhkan "*Infinity*

Taskforce", inisiatif Syarikat untuk memodenkan operasi perladangan melalui mekanisasi dan automasi. Hasil daripada inisiatif tersebut, nisbah tanah kepada tenaga pekerja Guthrie, yang merupakan satu ukuran kecekapan dalam industri, telah meningkat dengan ketara kepada 13.5 ha:1 pekerja pada hari ini, berbanding 10.5 ha:1 pekerja sewaktu tempoh pra-covid, iaitu bersamaan pengurangan seramai 6,000 pekerja. *"Infinity Taskforce"* Guthrie masih lagi beroperasi dan bermesyuarat pada hari ini.

Mohd Haris menyertai Sime Darby Berhad pada 2014, sebagai Ketua Perdagangan & Pemasaran Global. Berikutan pengasingan Kumpulan Sime Darby pada November 2017, Mohd Haris dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Segmen Hiliran Sime Darby Plantation Berhad pada ketika itu.

Beliau telah memainkan peranan penting dalam penjenamaan semula segmen Hiliran Syarikat kepada Sime Darby Oils (SDO) pada 2019. Beliau turut dilantik sebagai Pengarah Urusan SDO yang pertama pada bulan Mei tahun itu dan seterusnya menyelia pertumbuhan mampan SDO dengan jayanya, sehingga hampir menggandakan keuntungan dalam tempoh tiga tahun.

Pada Januari 2024, Mohd Haris dilantik Ketua Pegawai Operasi Kumpulan (GCOO), satu peranan baharu yang lebih meluas dan merangkumi seluruh operasi segmen Huluhan Guthrie. Melalui kunjungan ke semua wilayah operasi segmen Huluhan di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea dan Kepulauan Solomon, beliau mengambil pendekatan praktikal dan bekerja rapat dengan operasi ladang dan kilang Syarikat. Pada 1 September 2025, Mohd Haris dilantik sebagai Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan, sebagai persediaan untuk mengambilalih tugas daripada Mohamad Helmy.

Mohd Haris telah mengetuai pelbagai inisiatif kecemerlangan operasi, tadbir urus, pendigitalan, keselamatan & kesihatan, serta inisiatif-inisiatif pembangunan bakat.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1995 bersama Cargill di Malaysia, dalam perdagangan minyak sawit, dan kemudiannya menerajui penyumberan kopra di Filipina serta pemasaran minyak kelapa di Eropah. Pada tahun 2001, beliau menyertai Nestlé di Malaysia, London, dan Singapura, di mana beliau, sebagai Pengurus Besar & Ketua Minyak dan Lelemak Global, telah menubuhkan Pusat Perolehan Komoditi untuk rantau Asia, Oceania, dan Afrika. Pada tahun 2010, Mohd Haris menyertai Unilever untuk menubuhkan unit pengurusan risiko komoditi global bagi produk minyak dan lelemak, serta menguruskan pasukan perdagangan di Amerika Syarikat, Switzerland dan Singapura.

Mohd Haris akan terus berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM). Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pemegang Amanah Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

"Kami yakin Mohd Haris akan membawa Guthrie ke tahap yang lebih tinggi dengan mengetuai pasukan pengurusan untuk melaksanakan strategi Syarikat yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah. Kami juga bersyukur kerana Mohamad Helmy akan terus berkhidmat sebagai Penasihat kepada Lembaga Pengarah bagi tempoh enam bulan pertama 2026, untuk berkongsi pengalaman beliau selama bertahun-tahun bersama Guthrie.

Bagi pihak Lembaga Pengarah dan keluarga Guthrie, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Mohamad Helmy dan terima kasih atas segala khidmat dan dedikasi beliau terhadap Syarikat. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Mohd Haris atas pelantikannya sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie yang terbaharu," tambah Nik Norzrul.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM36.65 bilion (USD8.72 bilion) setakat 4 November 2025, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Leela Barrock, Ketua, Komunikasi Kumpulan**
Tel: +6019-213 2236 | E-mail: leela.barrock@sdguthrie.com
- **Hafiz Noor, Ketua, Komunikasi Strategik**
Tel: +6019-424 8283 | E-mail: hafiznoor@sdguthrie.com